



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**NOKTAHKAN
BULI**



Tarikh Bacaan:
21 FEBRUARI 2025M / 22 SYA'BAN 1446H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang

- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun

- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang

- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia

- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah

- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Noktahkan Buli

21 Februari 2025M/ 22 Syaaban 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ:

وَوُضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَا وَيْلَتَنَا مَالِ هَذَا الْكِتَابِ
لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظِلُّمُ رَبُّكَ أَحَدًا

﴿١٦﴾ سورة الكهف

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH ،سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah ،سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala
larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan
Allah ،سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh
perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan
perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam



masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Noktahkan Buli**”

TETAMU ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Buli merupakan satu ancaman yang membimbangkan dalam kalangan masyarakat di negara kita pada masa kini. Buli merujuk kepada perbuatan oleh seseorang atau beberapa orang yang menggunakan kekuatan atau kekerasan untuk menakutkan, mengganggu, menghina atau menyakitkan orang lain melalui pelbagai kaedah, sama ada secara fizikal, mental atau emosi. Buli juga boleh mengakibatkan kecederaan fizikal atau gangguan emosi kepada mangsa. Jenis salah laku buli dalam kalangan murid yang biasa berlaku termasuk fizikal, lisan, bukan lisan dan buli siber.

Laporan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tahun 2023 menyatakan Malaysia menduduki tangga kelima di dunia dan kedua di Asia dalam kes buli siber. Akhbar Berita Harian bertarikh 22 Mac 2024 melaporkan kes kematian seorang pelajar di sebuah kolej akibat dibuli oleh 13 orang rakan mangsa. Walaupun Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman mati pada Julai 2024 terhadap enam orang pembuli di sebuah universiti awam, kes buli masih lagi berlaku seperti tidak berkesudahan.

Kita perlu sedar bahawa sekecil-kecil perkara pun akan dibawa ke perbicaraan mahkamah teragung di hadapan Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى, sebagaimana firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam surah al-Kahfi ayat 49 yang dibacakan pada awal khutbah ini yang bermaksud:

“Dan dibentangkan kitab-kitab (catatan amalan), lalu kamu akan melihat orang yang berdosa ketakutan terhadap sesuatu yang (tertulis) di dalamnya dan mereka berkata, "Aduhai celakanya kami! Kitab apakah ini yang tidak meninggalkan (catatan amalan) yang kecil dan tidak (pula) yang besar, melainkan ia mencatat semuanya,” dan mereka mendapati apa-apa yang telah dilakukan mereka ada (tertulis di dalamnya)? Dan (ingatlah) Tuhan kamu tidak menzalimi seorang jua pun.”

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى،

Mengapakah semua ini terjadi?

Pertama, kelemahan institusi kekeluargaan, pengabaian didikan ibu bapa dan kurang kasih sayang di samping cara didikan yang kasar menyebabkan anak menjadi pembuli.

Kedua, pengaruh media sosial. Statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan bahawa 28 juta rakyat Malaysia aktif menggunakan media sosial. Keganasan, kelucahan dan ejekan terhadap fizikal seseorang menjadi paparan utama media sosial sehingga dirasakan normal, melucukan dan menjadi ikutan masyarakat.

Ketiga, sikap individu yang mementingkan diri. Sifat ego, panas baran dan kurang empati mendorong kepada berlakunya kes buli dalam kalangan masyarakat.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى،

Bagi mengatasi gejala buli yang penuh kezaliman ini, maka disarankan beberapa penyelesaian:

Pertama: Menyuburkan kasih sayang kepada anak-anak dengan memberikan didikan agama yang sempurna berlandaskan al-Quran dan as-Sunah.

Kedua: Menyediakan persekitaran yang baik untuk ahli keluarga membesar dan memberi asuhan terbaik kepada mereka. Menurut ahli psikologi, kualiti lima tahun pertama kehidupan adalah penentu corak keperibadian seseorang.

Ketiga: Menjadi suri teladan kepada anak dengan menunjukkan akhlak yang mulia. Bak kata pepatah, “Bagaimana acuan, begitulah kuihnya.”

Keempat: Melaporkan kepada ibu bapa, guru atau pihak berkuasa sekiranya merasa diri dibuli atau melihat perbuatan buli berlaku.

Ketahuiilah bahawa setiap individu di negara ini dilindungi oleh undang-undang. Jangan takut untuk bertindak dan jangan pendamkan, anda tidak bersendirian. Masih ramai pihak yang prihatin untuk membantu anda.

Kepada pembuli, berubahlah! Hentikanlah perbuatan buli dan bertaubatlah! Ingatlah akan sebuah hadis qudsi:

عَنْ أَبِي ذَرِّ الْغِفَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا يَرْوِيهِ عَنْ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَنَّهُ قَالَ: يَا عِبَادِي إِنْ حَرَمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا فَلَا تَظَالَمُوا...

Maksudnya: “Daripada Abu Zar al-Ghifari رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ bahawa Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ meriwayatkan daripada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Sesungguhnya Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman: “Wahai hamba-Ku, sesungguhnya Aku telah

mengharamkan kezaliman bagi diri-Ku dan Aku jadikannya haram antara kamu. Maka, janganlah kamu berlaku zalim sesama kamu...”

(Hadis Riwayat Muslim)

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*

Mengakhiri khutbah, sekali lagi khatib menyeru seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran sebagai panduan dalam kehidupan seharian:

Pertama: Buli merupakan perbuatan dosa dan satu jenayah yang perlu dijaui.

Kedua: Individu, ibu bapa dan guru perlu bersama-sama berganding bahu membina generasi penyayang dan berakhlak mulia.

Ketiga: Masyarakat perlu menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa untuk melaporkan sebarang kejadian buli.

Firman Allah dalam surah al-‘Asr:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ① إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ② إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ③

Maksudnya: “Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, saling berpesan tentang kebenaran dan kesabaran.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk makluman semua, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2019 memutuskan bahawa **haram** memindahkan zakat ke luar negeri Pulau Pinang berdasarkan masalah semasa kerana ia menafikan hak dan menjejaskan keperluan asnaf. Begitu juga, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2024 yang memutuskan individu termasuk peniaga dan usahawan Islam yang menjalankan perniagaan di Pulau Pinang, adalah **diwajibkan** membayar zakat perniagaan kepada Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَلايَةً قُولاو فَيَنْعَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَحَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau
Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang*

istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG